

20/12/2000

Panel Formula Malaysia telus

Salbiah Ani

PERADUAN Formula Malaysia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 15 September 1999, menawarkan hadiah pertama bernilai RM150,000 untuk kategori peraduan menulis cerpen umum.

Hadiah yang ditawarkan penganjur terlalu lumayan khususnya jika dilihat dari sudut sastera kerana pengiktirafan tertinggi dalam bidang ini, Anugerah Sastera Negara (ASN), hanya menawarkan nilai kewangan RM30,000 saja.

Pemberian hadiah yang terlalu lumayan menimbulkan tanda tanya dan seolah-olah penganjur tidak mengambil kira aspek pengabdian pengarang kepada dunia sastera tanah air dan seakan-akan memperlecehkan ASN.

Sastera dan Budaya mendapatkan pandangan Ketua Hakim Keseluruhan Peraduan Formula Malaysia, Datuk Dr Syed Othman Alhabsi, bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkara ini.

"Peraduan Formula Malaysia hanya berlangsung sekali saja dalam sejarah dan kebetulan kita menyambut alaf baru dan kerana itu perlu menawarkan hadiah lumayan supaya dapat menarik ramai penyertaan.

"Jawatankuasa Formula Malaysia tidak berniat memperlecehkan mana-mana hadiah sastera yang sedia ada termasuk ASN dan kami akui nilai yang ditawarkan dalam peraduan ini sememangnya lumayan," katanya pada pertemuan dengan Sastera dan Budaya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Dr Syed Othman turut berpuas hati dengan tugas yang dijalankan semua ahli panel hakimnya yang didakwa telus dan bertanggungjawab termasuk panel hakim kategori menulis cerpen.

"Setiap karya yang berjaya ke saringan akhir dibaca sepenuhnya oleh sekurang-kurangnya dua ahli panel sebelum dibahaskan segala aspek mengenai cerpen terbabit oleh semua panel," katanya.

Ketua Hakim Kategori Menulis Cerpen Umum ialah Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), A Aziz Deraman, manakala Prof Dr Nik Rahimah Yaacob, Abdul Rahman Yusof, Dr Anwar Ridhwan, A Rahim Abdullah, Dr Syed Othman Syed Omar dan Prof Dr Ungku Maimunah Mohd Tahir selaku ahli panel.

Dalam kategori ini, tiga peserta, Hizairi Othman, Ani Mawar Abdullah dan Saroja Theavy a/p Balakrishnan, muncul sebagai pemenang pertama dan berkongsi hadiah RM150,000.

Dr Syed Othman menjelaskan beliau berpuas hati dengan cara ahli panel menjalankan tugas mereka sekalipun dalam kategori yang menerima terlalu banyak penyertaan kerana semua karya diberi penilaian sewajarnya.

Sejumlah 456 cerpen diterima untuk kategori umum manakala institut pengajian tinggi (117), sekolah menengah (322) dan rendah (109) dinilai pengadil dan karya ke saringan akhir dibaca sepenuhnya oleh dua ahli panel.

Setiap cerpen ke saringan akhir dikatakan sudah dibaca sekurang-kurangnya dua kali oleh dua ahli panel dan kemudian semua cerpen berkenaan dibincang secara terbuka dan menyeluruh oleh semua hakim.

"Kami sudah berusaha sedaya upaya untuk berlaku objektif dalam semua penilaian sekalipun diakui bagus atau tidaknya sesebuah cerpen itu amat subjektif sesuai dengan sifatnya sebagai karya sastera.

"Kami sepakat tiada sebuah pun karya layak untuk menerima hadiah RM150,000 secara solo dan memutuskan tiga pemenang berkenaan perlu berkongsi hadiah utama itu," tegasnya.

Sastera dan Budaya diberitahu pengajur Formula Malaysia memperuntukkan 40 peratus markah untuk tema dan teknik penulisan, manakala baki 20

peratus adalah bagi gaya persembahan sesebuah cerpen.

Dr Syed Othman memberitahu, semua ahli panel merasa puas apabila membaca cerpen Hizairi, Bulan Di Puncak Notre-Dame, yang dikatakan berjaya menyerlahkan amanat Formula Malaysia melalui tema pilihan penulis terbabit.

"Resepi bagaimana Malaysia beroleh kejayaan dapat dikesan di sana-sini dalam cerpen dan ia diadun menggunakan gaya bahasa yang lancar serta menampilkan teknik pengkisahan watak meyakinkan.

"Watak dalam cerpen ini meskipun dikisahkan berada di Paris tetapi tetap mengagumi keindahan alam semulajadi dan seni bina di Malaysia dan sentiasa memberi tempat sewajarnya kepada negaranya sendiri," katanya.

Ani Mawar Abdullah lewat Rakan Kongsi dikatakan menampilkan persoalan semasa dalam masyarakat Malaysia dan resepi kejayaan Malaysia dapat dikesan dengan jelas melalui cerpen pemenang terbabit.

Pemenang itu juga didakwa menggunakan teknik penceritaan menarik dan memasukkan Formula Malaysia, Malaysia Boleh, secara halus di samping gaya bahasa yang lancar selain paparan dialog secara intelektual.

Saroja Theavy dalam Kilau-Kemilau Kandil Hijau menampilkan tema alam sekitar dan didakwa berjaya mengolahnya secara kemas selain karyanya itu ada mempamerkan pemikiran.

Pengarang terbabit juga dikatakan bijak memilih latar cerita, memanfaatkan imbas kembali, plot, perlambangan, dialog dan monolog secara menarik dan sesuai dengan cerita.

Formula Malaysia anjuran KUB Malaysia (KUB) dan hadiah ditaja beberapa syarikat termasuk EON, YTL, Sapura, MRCB, Sunway Group, Tenaga Nasional dan Southern Bank.

(END)